

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

# 17 SEP NOSTALGIA 30 TAHUN PALAPES '86 USM DISAMBUT MERIAH



USM, PULAU PINANG, 17 September 2016 - Nostalgia 30 Tahun Palapes '86 USM disambut meriah dengan kehadiran 40 orang Alumni Palapes USM tahun 1986 berkumpul kembali di Universiti Sains Malaysia (USM).

Majlis anjuran Pusat Perhubungan Alumni (PPA) USM dengan sekumpulan pegawai kadet Palapes USM yang ditauliahkan pada 1986 dipengerusikan Mohd Johari Mohd Sharif, merupakan antara program julung kali diadakan bagi mengeratkan kembali ikatan ukhwah dan mengimbau kenangan manis sewaktu menuntut di USM.

Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Dato' Dr. Omar Osman berkata, program seperti ini perlu diteruskan kerana ia banyak memberi manfaat kepada universiti dan alumni itu sendiri.



"Selain dapat mengimbau kembali memori dan kenangan bersama alumni yang lain sepanjang menjadi pelajar di USM, pertemuan ini menjadi titik tolak kepada pengukuhan semangat kerjasama yang berterusan sesama Alumni Palapes USM."

Pada Majlis Nostalgia tersebut, Omar berharap bilangan Palapes USM dapat ditingkatkan pada masa mendatang.

"Universiti merancang untuk meningkatkan penyertaan pelajar USM di dalam Palapes kepada 1,000 orang kerana kita memerlukan lebih ramai 'Nation Builders' yang datangnya dari Palapes itu sendiri."

Selain itu, Omar turut menambah universiti kini bergerak kepada pembangunan kampus melalui kaedah berkolaborasi dengan institusi dalam dan luar negara."



"USM memfokuskan kepada kolaborasi program akademik, penyelidikan dan perkongsian kepakaran bersama institusi dalam dan luar negara dengan memperuntukkan perbelanjaan tinggi untuk meningkatkan keupayaan tersebut," katanya.

Turut hadir adalah Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi USM, Prof. Dato' Dr. Muhamad Jantan; Pengarah Pusat Perhubungan Alumni USM, Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya; dan Pengerusi Program Nostalgia 30 Tahun Palapes '86 USM, Mohd Johari Mohd Sharif.

Di majlis yang sama, Mohd Johari berkata bukan mudah untuk mengumpulkan semua alumni Palapes USM 1986 setelah sekian 30 tahun meninggalkan universiti.



"Kita berusaha membuat persiapan sebaik mungkin bagi mendapatkan alumni berkumpul pada malam ini, dan masa mendatang kita mengharapkan lebih ramai penglibatan alumni Palapes 1986 dianggarkan seramai 100 orang."

Di akhir kata, beliau berharap semoga pertemuan pada hari ini menjadi kenangan manis dan titik permulaan untuk terus mengeratkan silaturrahim pada masa akan datang.

Teks: Mohd Azrul Mohd Azhar / Foto: Zamani Abdul Rahim



Share This

